

Bil. S 25

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH DARURAT (HAD MASA), 1991

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh ceraiian (3) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Gelaran,
tarikh
permulaan
kuatkuasa dan
gelaran
panjang.

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Darurat (Had Masa), 1991 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada suatu tarikh sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Menteri Undang-Undang dengan notis dalam *Warta Kerajaan*.

(2) Gelaran panjang Perintah ini adalah "Suatu Perintah untuk meminda dan menyatukan undang-undang berkenaan dengan had masa tindakan dan bagi maksud-maksud yang berhubung dengannya".

Pengenaan.

2. (1) Perintah ini hendaklah dikenakan kepada sebarang tindakan yang bermula selepas tarikh Perintah ini berkuatkuasa, sama ada alasan tindakan ini terakru sebelum atau selepas tarikh itu.

(2) Sebarang tindakan yang bermula sebelum tarikh Perintah ini berkuatkuasa, hendaklah di teruskan menurut, dan terikat oleh, syarat-syarat Akta yang dimansuhkan oleh bab 52 dari Perintah ini.

Pengenaan
kepada
Kerajaan.

3. (1) Kecuali sebagaimana yang dipersyaratkan dengan nyata sebaliknya dalam Perintah ini, dan tanpa penyentuh bab 49, Perintah ini hendaklah tidak dikenakan kepada langkah perbicaraan oleh atau terhadap Kerajaan.

(2) Bagi menghilangkan keraguan, adalah diisytiharkan bahawa Perintah ini hendaklah tidak dikenakan kepada —

- (a) sebarang langkah perbicaraan oleh Kerajaan untuk mendapatkan kembali sebarang cukai atau duti atau bunga ke atas sebarang cukai atau duti ;
- (b) sebarang langkah perbicaraan perlucuthakan di bawah sebarang undang-undang bertulis berkenaan dengan kastam atau eksais ; atau
- (c) sebarang langkah perbicaraan berkaitan dengan perlucuthakan sesebuah kapal.

4. (1) Dalam Perintah ini, kecuali jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain — Tafsiran.

"tindakan" termasuk sebarang langkah perbicaraan di sesebuah mahkamah undang-undang ;

"tanah" termasuk hereditamen zahir dan tanggungan sewa dan sebarang harta pesaka atau kepentingan di sisi undang-undang atau ekuiti ke atasnya, termasuk suatu kepentingan ke atas hasil jualan tanah yang dipegang atas amanah untuk menjual, tetapi kecuali sebagaimana yang dipersyaratkan di atas dalam takrif ini tidak termasuk sebarang hereditamen tak zahir ;

"harta pesaka diri" dan "harta diri" tidak termasuk catel real ;

"kecederaan diri" termasuk sebarang penyakit dan sebarang kelemahan keadaan fizikal atau otak seseorang, dan "kecederaan" dan ungkapan-ungkapan yang asal hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya ;

"sewa" termasuk suatu tanggungan sewa dan suatu perkhidmatan sewa ;

"tanggungan sewa" bermakna sebarang anuiti atau sejumlah wang berkala yang dipertanggungjawabkan ke atas atau kena dibayar berdasarkan tanah, kecuali suatu perkhidmatan sewa atau bunga ke atas gadai janji tanah ;

"amanah" dan "pemegang amanah" masing-masing mempunyai makna yang sama sebagaimana dalam Trustee Act, 1925 United Kingdom ;

"amanah untuk menjual" mempunyai makna yang sama sebagaimana dalam Law of Property Act, 1925 United Kingdom.

(2) Bagi maksud-maksud Perintah ini seseorang hendaklah disifatkan sebagai berkeadaan hilang upaya semasa dianya seorang kanak-kanak, atau tidak sempurna akal.

(3) Bagi maksud-maksud cerai (2), seseorang adalah tidak sempurna akal jika dia seorang yang, dengan sebab kecacatan otak, tidak berupaya mengurus dan mentadbir harta dan hal-ehwalnya.

(4) Tanpa menyentuh keluasan makna cerai (3), seseorang hendaklah dianggap secara muktamad bagi maksud-maksud cerai (2) sebagai tidak sempurna akal semasa dia kena ditahan atau tertakluk kepada penjagaan di bawah sebarang undang-undang yang berkuatkuasa berkenaan dengan kesihatan otak.

(5) Tertakluk kepada cerai (6), seseorang hendaklah disifatkan sebagai menuntut melalui orang lain jika dia menjadi berhak kepada hak yang menuntut itu oleh, melalui, di bawah, atau dengan tindakan orang lain itu.

(6) Seseorang menjadi berhak kepada sebarang harta pesaka atau kepentingan menurut suatu kuasa khas untuk melantik hendaklah tidak disifatkan sebagai menuntut melalui pelantik.

(7) Sebutan-sebutan dalam Perintah ini kepada suatu hak tindakan untuk mendapatkan kembali tanah hendaklah termasuk sebutan-sebutan kepada suatu hak untuk mengambil milik tanah itu atau, dalam hal tanggungan sewa, menahannya untuk mendapatkan tunggakan sewa, dan sebutan-sebutan kepada pengambilan tindakan seumpama itu hendaklah termasuk sebutan-sebutan kepada pengambil milik atau penahanan seumpama itu.

(8) Sebutan-sebutan dalam Perintah ini kepada pemilikan tanah hendaklah, dalam hal tanggungan sewa, ditafsirkan sebagai sebutan-sebutan kepada penerimaan sewa, dan sebutan-sebutan kepada tarikh perlucutan pemilikan atau pemberhentian pemilikan tanah hendaklah, dalam hal tanggungan sewa, ditafsirkan sebagai sebutan-sebutan kepada tarikh penerimaan sewa yang terakhir.

(9) Sebutan-sebutan dalam Bahagian III dari Perintah ini kepada suatu hak tindakan hendaklah termasuk sebutan-sebutan kepada —

- (a) suatu alasan tindakan ;
- (b) suatu hak untuk menerima wang yang dicagarkan dengan suatu gadai janji atau gadaian ke atas sebarang harta ;
- (c) suatu hak untuk mendapatkan kembali hasil jualan tanah ; dan
- (d) suatu hak untuk menerima suatu bahagian atau kepentingan ke atas harta pesaka diri seseorang yang telah mati.

(10) Sebutan-sebutan dalam Bahagian III dari Perintah ini kepada tarikh pengakruan suatu hak tindakan hendaklah ditafsirkan —

- (a) dalam hal suatu tindakan ke atas suatu penghakiman, sebagai sebutan-sebutan kepada tarikh penghakiman itu menjadi boleh dikuatkuasakan ; dan
- (b) dalam hal suatu tindakan untuk mendapatkan kembali tunggakan sewa atau bunga, atau gantirugi berkaitan dengan tunggakan sewa atau bunga, sebagai sebutan-sebutan kepada tarikh sewa atau bunga itu kena dibayar.

BAHAGIAN II
HAD MASA BIASA

5. (1) Bahagian ini dari Perintah ini memberi had masa biasa bagi mengambil tindakan dari pelbagai jenis yang disebutkan dalam syarat-syarat Bahagian ini yang berikut.
- Had masa tertakluk kepada perlanjutan atau pengecualian.
- (2) Had masa biasa yang diberi dalam Bahagian ini dari Perintah ini adalah tertakluk kepada perlanjutan atau pengecualian menurut syarat-syarat Bahagian III dari Perintah ini.
6. (1) Suatu tindakan yang berasaskan kepada tort hendaklah tidak diambil selepas habis tempoh enam tahun dari tarikh alasan tindakan itu terakru.
- Tindakan yang berasaskan kepada tort.
- (2) Had masa di bawah cerai (1) dari bab ini hendaklah tidak dikenakan kepada suatu tindakan kerana fitnah bertulis atau fitnah lisan, tetapi tiada tindakan itu boleh diambil selepas habis tempoh tiga tahun dari tarikh alasan tindakan itu terakru.
7. (1) Jika sebarang alasan tindakan berkaitan dengan penukaran suatu catel telah terakru kepada mana-mana orang dan, sebelum dia mendapatkan kembali pemilikan catel itu, suatu penukaran yang selanjutnya berlaku, maka tiada tindakan boleh diambil berkaitan dengan penukaran yang selanjutnya itu selepas habis tempoh enam tahun dari pengakruan alasan tindakan itu berkaitan dengan penukaran asal.
- Penukaran berturut-turut, dsb.
- (2) Jika sebarang alasan tindakan itu telah terakru kepada mana-mana orang dan tempoh yang ditetapkan untuk mengambil tindakan itu telah tamat dan dia belum dalam tempoh itu mendapatkan kembali pemilikan catel itu, maka hakmilik orang itu terhadap catel itu hendaklah dihapuskan.
8. (1) Hak mana-mana orang yang kecurian suatu catel untuk mengambil suatu tindakan berkaitan dengan pencurian itu hendaklah tidak tertakluk kepada had masa di bawah bab-bab 6(1) dan 7(1) dari Perintah ini, tetapi jika hakmiliknya terhadap catel itu dihapuskan di bawah bab 7(2) dari Perintah ini maka dia tidak boleh mengambil suatu tindakan berkaitan dengan suatu pencurian sebelum dia kehilangan hakmilik, melainkan jika pencurian berkenaan didahului dengan penukaran yang masanya mula berjalan bagi maksud-maksud bab 7(2).
- Pencurian.
- (2) Cerai (1) hendaklah dikenakan kepada sebarang penukaran berkenaan dengan pencurian suatu catel sebagaimana ianya dikenakan kepada pencurian suatu catel ; dan, kecuali sebagaimana yang dipersyaratkan di bawah, tiap-tiap penukaran berikutan dengan pencurian suatu catel sebelum orang yang kecurian catel itu mendapat kembali pemilikannya hendaklah dianggap bagi maksud-maksud bab ini sebagai berkenaan dengan pencurian itu.

Jika sesiapa jua membeli catel curian itu dengan suci hati pembelian dan juga sebarang penukaran berikutan dengannya hendaklah tidak dianggap sebagai berkenaan dengan pencurian itu.

(3) Sebarang alasan tindakan yang terakru berkaitan dengan pencurian itu atau sebarang penukaran berkenaan dengan pencurian suatu catel kepada mana-mana orang yang kecurian catel itu hendaklah diketepikan bagi maksud-maksud mengenakan bab 7(1) atau (2) dari Perintah ini kepada kesnya.

(4) Jika dalam sebarang tindakan yang diambil berkaitan dengan penukaran suatu catel terbukti bahawa catel itu telah dicuri daripada pihak plaintif atau sesiapa jua yang melaluinya dia menuntutnya hendaklah dianggap bahawa sebarang penukaran berikutan dengan pencurian itu ada kena-mengena dengan pencurian itu melainkan jika dibuktikan sebaliknya.

(5) Dalam bab ini "pencurian" termasuk —

- (a) sebarang kelakuan di luar Negara Brunei Darussalam yang berupa pencurian jika dilakukan di Negara Brunei Darussalam ; dan
- (b) mendapatkan sebarang harta (di Negara Brunei Darussalam atau di tempat lain) dalam hal-hal yang dinyatakan dalam bab 415 dari Kanun Hukuman Jenayah atau dengan pemerasan dalam makna bab 383 dari Kanun itu ;

Penggal 22.

dan sebutan-sebutan dalam bab ini kepada suatu catel yang "dicuri" hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya.

Tindakan yang berasaskan kepada kontrak ringan.

9. Suatu tindakan yang berasaskan kepada kontrak ringan hendaklah tidak diambil selepas habis tempoh enam tahun dari tarikh alasan tindakan itu terakru.

Tindakan ke atas pinjaman tertentu.

10. (1) Tertakluk kepada ceraian (3), bab 9 dari Perintah ini hendaklah tidak menghalang hak tindakan ke atas suatu kontrak pinjaman yang dikenakan dengan bab ini.

(2) Bab ini dikenakan kepada sebarang kontrak pinjaman yang —

- (a) tidak mempersyaratkan pembayaran balik hutang pada atau sebelum suatu tarikh yang telah ditetapkan atau tarikh yang boleh ditentukan ; dan
- (b) tidak membuat dengan berkesan (sama ada ianya dikatakan berbuat demikian atau tidak) tanggungan untuk membayar balik hutang dengan bersyarat atas suatu tuntutan untuk pembayaran balik yang dibuat oleh atau bagi pihak pemiutang atau atas sebarang perkara lain ;

kecuali jika berhubung dengan pengambilan pinjaman itu penghutang membuat sebarang tanggungan yang bersampingan untuk membayar jumlah hutang atau mana-mana bahagiannya (misalnya, dengan menyerahkan suatu surat janji hutang sebagai jaminan terhadap hutang) atas syarat-syarat yang akan mengecualikan penenaan bab ini kepada kontrak pinjaman itu jika ianya dikenakan secara langsung kepada pembayaran balik hutang.

(3) Jika suatu tuntutan secara bertulis untuk pembayaran balik hutang di bawah suatu kontrak pinjaman yang dikenakan dengan bab ini dibuat oleh atau bagi pihak pemiutang (atau, jika terdapat pemiutang-pemiutang bersama, oleh atau bagi pihak salah seorang daripada mereka) bab 9 dari Perintah ini hendaklah selepas itu dikenakan seolah-olah alasan tindakan untuk mendapatkan kembali hutang telah terakru pada tarikh tuntutan itu dibuat.

(4) Dalam bab ini "surat janji hutang" mempunyai makna yang sama sebagaimana dalam Bills of Exchange Act, 1882 United Kingdom.

11. Suatu tindakan untuk menguatkuasakan suatu award, jika penghujahan bukan dengan suratcara bermeterai, hendaklah tidak diambil selepas habis tempoh enam tahun dari tarikh alasan tindakan itu terakru.

Penguatkuasaan award tertentu.

12. (1) Suatu tindakan ke atas suatu specialty hendaklah tidak diambil selepas habis tempoh dua belas tahun dari tarikh alasan tindakan itu terakru.

Tindakan ke atas suatu specialty.

(2) Ceraian (1) hendaklah tidak menyentuh sebarang tindakan yang tempoh had masanya yang lebih pendek ditetapkan oleh sebarang syarat lain Perintah ini.

13. (1) Suatu tindakan untuk mendapatkan kembali sebarang jumlah wang yang boleh didapatkan kembali menurut sebarang undang-undang bertulis hendaklah tidak diambil selepas habis tempoh enam tahun dari tarikh alasan tindakan itu terakru.

Jumlah wang yang boleh didapatkan kembali menurut statut.

(2) Ceraian (1) hendaklah tidak menyentuh sebarang tindakan yang dikenakan dengan bab 14 dari Perintah ini.

14. (1) Jika di bawah bab 14 dari Perintah Darurat (Kemalangan Maut dan Kecederaan Diri), 1991, mana-mana orang menjadi berhak kepada suatu hak untuk mendapatkan kembali caruman berkaitan dengan sebarang kecederaan daripada mana-mana orang lain, tiada tindakan untuk mendapatkan kembali caruman menurut hak itu boleh diambil selepas habis tempoh dua tahun dari tarikh hak itu terakru.

Menuntut caruman.

(2) Bagi maksud-maksud bab ini tarikh suatu hak untuk mendapatkan kembali caruman berkaitan dengan sebarang kecederaan terakru kepada mana-mana orang (disebut di bawah dalam bab ini sebagai "tarikh yang berkaitan") hendaklah ditentukan sebagaimana yang dipersyaratkan dalam cerai-ceraian (3) dan (4).

(3) Jika orang berkenaan bertanggung berkaitan dengan kecederaan itu —

- (a) menurut suatu penghakiman yang diberi dalam sebarang perbicaraan sivil ; atau
- (b) menurut suatu award yang dibuat dalam sebarang timbangtara ;

tarikh yang berkaitan adalah tarikh penghakiman itu diberi, atau tarikh award itu (mengikut mana yang berkenaan).

Bagi maksud-maksud cerai ini tiada pertimbangan boleh diambil mengenai sebarang penghakiman atau award yang diberi atau dibuat atas rayuan setakat yang ianya mengubah jumlah gantirugi yang diaward terhadap orang berkenaan.

(4) Jika, dalam sebarang hal yang bukan di bawah cerai (3), orang berkenaan membuat atau bersetuju untuk membuat sebarang pembayaran kepada seorang atau lebih sebagai pampasan kerana kecederaan itu (sama ada dia menerima sebarang tanggungan berkaitan dengan kecederaan itu atau tidak), tarikh yang berkaitan adalah tarikh terawal dalam mana jumlah yang hendak dibayar olehnya dipersetujui di antaranya (atau wakilnya) dengan orang (atau tiap-tiap orang, mengikut mana yang berkenaan) yang hendak dibuat pembayaran itu.

(5) Suatu tindakan untuk mendapatkan kembali caruman hendaklah tindakan yang dikenakan dengan bab-bab 32, 38 dan 47 dari Perintah ini, tetapi sebaliknya Bahagian-Bahagian III dan V dari Perintah ini (kecuali bab 46) hendaklah tidak dikenakan bagi maksud-maksud bab ini.

Kecederaan diri.

15. (1) Bab ini dikenakan kepada sebarang tindakan untuk mendapatkan gantirugi kerana kecuaiian, gangguan atau pelanggaran kewajipan (sama ada kewajipan itu wujud menurut suatu kontrak atau syarat yang dibuat oleh atau di bawah suatu undang-undang bertulis atau secara bebas dari sebarang kontrak atau sebarang syarat itu) jika gantirugi yang dituntut oleh pihak plaintif kerana kecuaiian, gangguan atau pelanggaran kewajipan mengandungi atau termasuk gantirugi berkaitan dengan kecederaan diri kepada pihak plaintif atau mana-mana orang lain.

(2) Tiada satu had masapun yang diberi dalam syarat-syarat Perintah ini yang terdahulu boleh dikenakan kepada suatu tindakan yang dikenakan dengan bab ini.

(3) Suatu tindakan yang dikenakan dengan bab ini hendaklah tidak diambil selepas habis tempoh yang boleh dikenakan menurut cerai-an-ceraian (4) atau (5).

(4) Kecuali jika cerai-an (5) dikenakan, tempoh yang boleh dikenakan adalah tiga tahun dari —

- (a) tarikh alasan tindakan itu terakru ; atau
- (b) tarikh pengetahuan (jika terkemudian) orang yang tercedera itu.

(5) Jika orang yang tercedera itu mati sebelum habis tempoh yang disebutkan dalam cerai-an (4), tempoh yang boleh dikenakan mengenai alasan tindakan yang diteruskan untuk faedah harta pesakanya menurut bab 11 dari Perintah Darurat (Kemalangan Maut dan Kecederaan Diri), 1991, adalah tiga tahun dari —

- (a) tarikh kematian ; atau
- (b) tarikh pengetahuan wakil diri ;

mengikut mana yang terkemudian.

(6) Bagi maksud-maksud bab ini "wakil diri" termasuk mana-mana orang yang menjadi atau telah menjadi wakil diri simati, termasuk seseorang wasi yang belum membuktikan wasiat (sama ada dia telah menolak probet atau tidak) ; dan perhatian hendaklah diambil terhadap sebarang pengetahuan yang didapati oleh mana-mana orang itu semasa menjadi wakil diri atau sebelumnya.

(7) Jika terdapat lebih daripada seorang wakil diri, dan tarikh-tarikh pengetahuan mereka berlainan, cerai-an (5)(b) hendaklah dibaca sebagai merujuk kepada tarikh-tarikh yang terawal.

16. (1) Suatu tindakan di bawah Bahagian II dari Perintah Darurat (Kemalangan Maut dan Kecederaan Diri), 1991 hendaklah tidak diambil jika kematian berlaku apabila orang yang tercedera itu tidak lagi dapat meneruskan suatu tindakan dan mendapatkan kembali gan-tirugi berkaitan dengan kecederaan itu (sama ada kerana had masa dalam Perintah ini atau dalam sebarang undang-undang bertulis yang lain, atau kerana sebarang sebab lain).

Perundangan
Kemalangan
Maut.

Jika sebarang tindakan itu oleh orang yang tercedera itu mungkin telah dihalang oleh had masa dalam bab 15 dari Perintah ini, tiada pertimbangan boleh diambil mengenai kemungkinan had masa itu tidak diendahkan di bawah bab 40 dari Perintah ini.

(2) Tiada satu had masapun yang diberi dalam syarat-syarat Perintah ini yang terdahulu boleh dikenakan kepada suatu tindakan di bawah Bahagian II dari Perintah Darurat (Kemalangan Maut dan Kecederaan Diri), 1991 tetapi tiada tindakan itu boleh diambil selepas habis tempoh tiga tahun dari —

- (a) tarikh kematian ; atau
- (b) tarikh pengetahuan orang yang atas faedahnya tindakan itu diambil ; atau

mengikut mana yang terkemudian.

(3) Suatu tindakan di bawah Bahagian II dari Perintah Darurat (Kemalangan Maut dan Kecederaan Diri), 1991 hendaklah tindakan yang dikenakan dengan bab-bab 32, 40 dan 47 dari Perintah ini, dan pengenaan kepada sebarang tindakan had masa itu di bawah cerai (2) hendaklah tertakluk kepada bab 49 ; tetapi sebaliknya Bahagian-Bahagian III dan V dari Perintah ini hendaklah tidak dikenakan kepada sebarang tindakan itu.

Penguat-kuasaan bab 16.

17. (1) Jika terdapat lebih daripada seorang yang atas faedahnya suatu tindakan di bawah Bahagian II dari Perintah Darurat (Kemalangan Maut dan Kecederaan Diri), 1991 diambil, bab 16(2)(b) dari Perintah ini hendaklah dikenakan secara berasingan kepada tiap-tiap mereka.

(2) Tertakluk kepada cerai (3), jika menurut cerai (1) tindakan itu mungkin di luar had masa yang diberi oleh bab 16(2) mengenai salah seorang atau lebih, tetapi tidak semuanya, daripada orang-orang yang atas faedahnya tindakan itu diambil, maka mahkamah hendaklah mengarahkan supaya mana-mana orang yang mengenainya tindakan itu mungkin di luar had itu dikecualikan daripada mereka yang baginya tindakan itu diambil.

(3) Mahkamah hendaklah tidak memberi arahan seumpama itu jika terbukti bahawa jika tindakan itu diambil secara khas untuk faedah orang berkenaan ianya tidak mungkin dibatalkan dengan suatu pembelaan had masa (sama ada akibat dari bab 32 dari Perintah ini atau suatu perjanjian di antara pihak-pihak supaya tidak mendapatkan pembelaan, ataupun sebaliknya).

Tarikh pengetahuan di bawah bab-bab 15 dan 16.

18. (1) Dalam bab-bab 15 dan 16 dari Perintah ini sebutan-sebutan kepada tarikh pengetahuan seseorang adalah sebutan-sebutan kepada tarikh dia mula mengetahui fakta-fakta yang berikut —

- (a) bahawa kecederaan berkenaan adalah nyata ; dan
- (b) bahawa kecederaan itu bersebab seluruhnya atau sebahagiannya oleh perbuatan atau peninggalan yang dikatakan sama dengan kecuaiian, gangguan atau pelanggaran kewajipan ; dan
- (c) identiti pihak defendan ; dan
- (d) jika dikatakan bahawa perbuatan atau peninggalan itu adalah daripada seseorang selain daripada pihak defendan, identiti orang itu dan fakta-fakta tambahan yang menyokong pengambilan suatu tindakan terhadap pihak defendan ;

dan pengetahuan bahawa sebarang perbuatan atau peninggalan ada membabitkan atau tidak membabitkan, sebagai suatu perkara undang-undang, kecuaiian, gangguan atau pelanggaran kewajipan adalah tidak berkaitan.

(2) Bagi maksud-maksud bab ini suatu kecederaan adalah nyata jika orang yang tarikh pengetahuannya dipersoalkan mungkin menganggapnya dengan munasabah cukup penting untuk membuktikan langkah perbicaraan permulaannya bagi mendapatkan ganti rugi terhadap pihak defendan yang tidak mempertikaikan tanggungan dan dapat menyelesaikan suatu penghakiman.

(3) Bagi maksud-maksud bab ini pengetahuan seseorang termasuk pengetahuan yang mungkin dengan munasabah dijangka diperolehinya —

- (a) dari fakta-fakta yang boleh dilihat atau dipastikan olehnya ; atau
- (b) dari fakta-fakta yang boleh dipastikan olehnya dengan bantuan nasihat pakar perubatan atau pakar lain yang bersesuaian yang munasabah baginya untuk memintanya ;

tetapi seseorang hendaklah tidak ditentukan di bawah ceraiian ini dengan pengetahuan suatu fakta yang hanya boleh dipastikan dengan bantuan nasihat pakar selagi dia telah mengambil segala langkah yang munasabah untuk mendapatkan (dan, jika bersesuaian, untuk bertindak atas) nasihat itu.

Had masa
khas kerana
kecuaian.

19. (1) Bab ini dikenakan kepada sebarang tindakan untuk mendapatkan gantirugi kerana kecuaian, selain dari tindakan yang dikenakan dengan bab 15 dari Perintah ini, jika tarikh permulaan bagi mengira tempoh had masa di bawah cerai 4(b) jatuh selepas tarikh alasan tindakan itu terakru.

(2) Bab 6(1) dari Perintah ini hendaklah tidak dikenakan kepada suatu tindakan yang dikenakan dengan bab ini.

(3) Suatu tindakan yang dikenakan dengan bab ini hendaklah tidak diambil selepas habis tempoh yang boleh dikenakan menurut cerai 4).

(4) Tempoh itu adalah sama ada —

(a) enam tahun dari tarikh alasan tindakan itu terakru ;
atau

(b) tiga tahun dari tarikh permulaan sebagaimana yang ditakrifkan oleh cerai 5), jika tempoh itu tamat kemudian dari tempoh yang disebutkan dalam perenggan (a).

(5) bagi maksud-maksud bab ini, tarikh permulaan bagi mengira tempoh had masa di bawah cerai 4)(b) adalah tarikh terawal pihak plaintif atau mana-mana orang yang padanya alasan tindakan itu terletak di hadapannya mula-mula mempunyai pengetahuan yang di hadapannya mula-mula mempunyai pengetahuan yang dikehendaki bagi mengambil suatu tindakan untuk mendapatkan gantirugi berkenaan dengan kecederaan yang berkaitan dan juga hak untuk mengambil tindakan seumpama itu.

(6) Dalam cerai 5) "pengetahuan yang dikehendaki bagi mengambil suatu tindakan untuk mendapatkan gantirugi berkenaan dengan kecederaan yang berkaitan" bermakna pengetahuan —

(a) tentang fakta-fakta mustahak mengenai kecederaan yang berkaitan dengannya gantirugi dituntut ; dan juga

(b) tentang fakta-fakta lain yang berkaitan dengan tindakan semasa yang disebutkan dalam cerai 8).

(7) Bagi maksud-maksud cerai 6)(a), fakta-fakta mustahak mengenai kecederaan adalah fakta-fakta mengenai kecederaan yang akan membawa seseorang yang waras yang telah mengalami kecederaan itu menganggapnya cukup penting untuk membuktikan langkah perbicaraan permulaannya bagi mendapatkan gantirugi terhadap pihak defendan yang tidak mempertikaikan tanggungan dan dapat menyelesaikan suatu penghakiman.

(8) Fakta-fakta lain yang disebutkan dalam cerai (6)(b) adalah —

- (a) bahawa kecederaan itu bersebab seluruhnya atau sebahagiannya oleh perbuatan atau peninggalan yang dikatakan sama dengan kecuaiian ; dan
- (b) identiti pihak defendan ; dan
- (c) jika dikatakan bahawa perbuatan atau peninggalan itu adalah daripada seseorang selain daripada pihak defendan, identiti orang itu dan fakta-fakta tambahan yang menyokong pengambilan suatu tindakan terhadap pihak defendan.

(9) Pengetahuan bahawa sebarang perbuatan atau peninggalan ada membabitkan atau tidak membabitkan, sebagai suatu perkara undang-undang, kecuaiian adalah tidak berkaitan bagi maksud-maksud cerai (5).

(10) Bagi maksud-maksud bab ini pengetahuan seseorang termasuk pengetahuan yang mungkin dengan munasabah dijangka diperolehinya —

- (a) dari fakta-fakta yang boleh dilihat atau dipastikan olehnya ; atau
- (b) dari fakta-fakta yang boleh dipastikan olehnya dengan bantuan nasihat pakar yang bersesuaian yang munasabah baginya untuk memintanya ;

tetapi seseorang hendaklah tidak dianggap menurut cerai ini mengetahui suatu fakta yang hanya boleh dipastikan dengan bantuan nasihat pakar selagi dia telah mengambil segala langkah yang munasabah untuk mendapatkan (dan, jika bersesuaian, untuk bertindak atas) nasihat itu.

20. (1) Suatu tindakan untuk mendapatkan gantirugi kerana kecuaiian, selain dari tindakan yang dikenakan dengan bab 15 dari Perintah ini, hendaklah tidak diambil selepas habis tempoh lima belas tahun dari tarikh (atau, jika lebih dari satu, dari tarikh-tarikh yang terakhir) berlakunya sebarang perbuatan atau peninggalan —

- (a) yang dikatakan sama dengan kecuaiian ; dan
- (b) yang dikatakan menyebabkan kecederaan (seluruhnya atau sebahagiannya) yang berkaitan dengannya gantirugi dituntut.

Tidak meng-
endahkan had
masa kerana
kecuaiian.

(2) bab ini menghalang hak tindakan dalam suatu hal yang dikenakan dengan ceraiian (1) dengan tidak menghiraukan bahawa —

- (a) alasan tindakan itu belum lagi terakru ; atau
- (b) jika bab 19 dari Perintah ini dikenakan kepada tindakan itu, tarikh yang merupakan bagi maksud-maksud bab itu tarikh permulaan bagi mengira tempoh yang disebutkan dalam ceraiian (4)(b) dari bab itu belum lagi berlaku ;

sebelum akhir tempoh had masa yang ditetapkan oleh bab ini.

Mendapatkan kembali tanah.

21. (1) Tiada tindakan boleh diambil oleh mana-mana orang untuk mendapatkan kembali sebarang tanah selepas habis tempoh dua belas tahun dari tarikh hak tindakan itu terakru kepadanya atau, jika hak tindakan itu pada mulanya terakru kepada seseorang yang melaluinya dia menuntut, dari tarikh hak tindakan itu terakru kepada orang itu.

(2) Tertakluk kepada syarat-syarat bab ini yang berikut, jika —

- (a) harta pesaka atau kepentingan yang dituntut adalah harta pesaka atau kepentingan kembalian atau bakian atau sebarang harta pesaka atau kepentingan masa depan yang lain dan hak tindakan untuk mendapatkan kembali tanah yang terakru pada tarikh harta pesaka atau kepentingan itu jatuh ke dalam milik dengan tamatnya harta pesaka atau kepentingan yang terdahulu ; dan
- (b) orang yang berhak terhadap harta pesaka atau kepentingan yang terdahulu (bukannya suatu tempoh beberapa tahun yang mutlak) tidak memiliki tanah itu pada tarikh itu ;

maka tiada tindakan boleh diambil oleh orang yang berhak terhadap harta pesaka atau kepentingan yang kemudiannya selepas habis tempoh dua belas tahun dari tarikh hak tindakan itu terakru kepada orang yang berhak terhadap harta pesaka atau kepentingan yang terdahulu atau enam tahun dari tarikh hak tindakan itu terakru kepada orang yang berhak terhadap harta pesaka atau kepentingan yang kemudiannya, mengikut mana yang terkemudian tamat tempohnya.

(3) Tiada sesiapa pun boleh mengambil suatu tindakan untuk mendapatkan kembali sebarang harta pesaka atau kepentingan ke atas tanah di bawah suatu jaminan yang berkuatkuasa selepas hak tindakan untuk mendapatkan kembali tanah itu telah terakru kepada orang yang membuat jaminan itu atau seseorang yang melaluinya dia menuntut atau seseorang yang berhak terhadap suatu harta pesaka atau kepentingan yang terdahulu, melainkan jika tindakan itu diambil dalam tempoh orang yang membuat jaminan itu sepatutnya dapat mengambil tindakan seumpama itu.

(4) Jika mana-mana orang berhak terhadap sebarang harta pesaka atau kepentingan ke atas tanah yang dimiliki dan, semasa berhak demikian, juga berhak terhadap sebarang harta pesaka atau kepentingan masa depan ke atas tanah itu, dan haknya untuk mendapatkan kembali harta pesaka atau kepentingan yang dimiliki dihalang di bawah Perintah ini, maka tiada tindakan boleh diambil oleh orang itu, atau oleh mana-mana orang yang menuntut melaluinya, berkaitan dengan harta pesaka atau kepentingan masa depan, melainkan jika dalam pada itu pemilikan tanah itu telah didapatkan kembali oleh seseorang yang berhak terhadap suatu harta pesaka atau kepentingan perantaraan.

22. Apabila seseorang pemegang gadai janji tanah telah memiliki sebarang tanah yang digadai janji bagi tempoh selama dua belas tahun, tiada tindakan untuk menebus tanah yang telah dimiliki oleh pemegang gadai janji itu boleh diambil selepas berakhirnya tempoh itu oleh penggadai janji atau mana-mana orang yang menuntut melaluinya.

Tindakan
penebusan.

23. Tertakluk kepada bab 22 dari Perintah ini, pada habis tempoh yang ditetapkan oleh Perintah ini bagi mana-mana orang untuk mengambil suatu tindakan bagi mendapatkan kembali tanah (termasuk tindakan penebusan) hakmilik orang itu ke atas tanah itu hendaklah dihapuskan.

Penghapusan
hakmilik
tanah.

24. (1) Tertakluk kepada bab 27 (1) dan (2) dari Perintah ini, syarat-syarat Perintah ini hendaklah dikenakan kepada kepentingan-kepentingan ekuiti ke atas tanah, termasuk kepentingan-kepentingan ke atas hasil jualan tanah yang dipegang atas amanah untuk menjual, sebagaimana ianya dikenakan kepada harta pesaka disisi undang-undang.

Tanah yang
dipegang atas
amanah.

Dengan itu suatu hak tindakan untuk mendapatkan kembali tanah hendaklah, bagi maksud-maksud Perintah ini tetapi bukan sebaliknya, disifatkan sebagai terakru kepada seseorang yang berhak ke atas pemilikan kepentingan ekuiti seumpama itu mengikut cara dan keadaan yang sama, dan pada tarikh yang sama, sebagaimana ianya mungkin terakru jika kepentingan adalah harta pesaka disisi undang-undang ke atas tanah.

(2) Jika sebarang tanah dipegang atas amanah (termasuk suatu amanah untuk menjual) dan tempoh yang ditetapkan oleh Perintah ini telah tamat bagi pengambilan suatu tindakan untuk mendapatkan kembali tanah itu oleh pemegang-pemegang amanah, harta pesaka pemegang-pemegang amanah hendaklah tidak dihapuskan jika dan selagi hak tindakan untuk mendapatkan kembali tanah itu mana-mana orang yang berhak terhadap suatu kepentingan berfaedah ke atas tanah itu atau hasil jualannya sama ada belum terakru atau belum dihalang oleh Perintah ini ; tetapi jika dan apabila tiap-tiap hak tindakan itu telah dihalang demikian maka harta pesaka pemegang-pemegang amanah hendaklah dihapuskan.

(3) Jika sebarang tanah dipegang atas amanah (termasuk suatu amanah untuk menjual) suatu tindakan untuk mendapatkan kembali tanah itu boleh diambil oleh pemegang-pemegang amanah bagi pihak mana-mana orang yang berhak terhadap suatu kepentingan berfaedah ke atas pemilikan tanah itu atau hasil jualannya yang hak tindakannya belum dihalang oleh Perintah ini, dengan tidak menghiraukan bahawa hak tindakan pemegang-pemegang amanah selain dari syarat ini mungkin telah dihalang oleh Perintah ini.

Mendapatkan kembali sewa.

25. Tiada tindakan boleh diambil, atau penahanan dibuat, untuk mendapatkan kembali tunggakan sewa, atau gantirugi berkaitan dengan tunggakan sewa, selepas habis tempoh enam tahun dari tarikh tunggakan itu kena dibayar.

Mendapatkan kembali wang yang dicagarkan atau hasil jualan tanah.

26. (1) Tiada tindakan boleh diambil untuk mendapatkan kembali —

(a) sebarang jumlah wang pokok yang dicagarkan dengan suatu gadai janji atau gadaian lain ke atas harta (sama ada tanah atau diri) ; atau

(b) hasil jualan tanah ;

selepas habis tempoh dua belas tahun dari tarikh hak untuk menerima wang itu terakru.

(2) Tiada tindakan halang-tebus berkaitan dengan harta diri yang digadai janji boleh diambil selepas habis tempoh dua belas tahun dari tarikh hak untuk menghalang-tebus itu terakru.

Tetapi jika pemegang gadai janji memiliki harta yang digadai janji itu selepas tarikh itu, hak untuk menghalang-tebus harta yang dimilikinya itu hendaklah tidak disifatkan sebagai telah terakru bagi maksud-maksud ceraiian ini sehingga tarikh pemilikannya ditamatkan.

(3) Hak untuk menerima sebarang jumlah wang pokok yang dicagarkan dengan suatu gadai janji atau gadaian lain dan hak untuk menghalang-tebus harta yang tertakluk kepada gadai janji atau gadaian itu hendaklah tidak disifatkan sebagai terakru selagi harta itu mengandungi sebarang kepentingan masa depan atau sebarang polisi insurans nyawa yang belum cukup tempohnya atau belum ditamatkan.

(4) Tiada sebarang apapun dalam bab ini boleh dikenakan kepada suatu tindakan halang-tebus berkaitan dengan tanah yang digadai janji, tetapi syarat-syarat Perintah ini berkenaan dengan tindakan-tindakan untuk mendapatkan kembali tanah hendaklah dikenakan kepada tindakan seumpama itu.

(5) Tertakluk kepada ceraian-ceraian (6) dan (7), tiada tindakan untuk mendapatkan kembali tunggakan bunga yang kena dibayar berkaitan dengan sebarang jumlah wang yang dicagarkan dengan suatu gadai janji atau gadaian lain atau yang kena dibayar berkaitan dengan hasil jualan tanah, atau untuk mendapatkan kembali gantirugi berkaitan dengan tunggakan itu boleh diambil selepas habis tempoh enam tahun dari tarikh bunga itu kena dibayar.

(6) Jika —

- (a) seseorang pemegang gadai janji atau pembeban lain yang terdahulu telah memiliki harta yang digadai itu ; dan
- (b) suatu tindakan diambil dalam masa setahun dari tamatnya pemilikan itu oleh pembeban yang kemudiannya ;

pembeban yang kemudiannya boleh mendapatkan kembali dengan tindakan itu semua tunggakan bunga yang kena dibayar dalam tempoh pemilikan oleh pembeban yang terdahulu atau gantirugi berkaitan dengan tunggakan itu, dengan tidak menghiraukan bahawa tempoh itu melebihi dari enam tahun.

(7) Jika —

- (a) harta yang tertakluk kepada gadai janji atau gadaian itu mengandungi sebarang kepentingan masa depan atau polisi insurans nyawa ; dan
- (b) adalah menjadi suatu syarat gadai janji atau gadaian itu bahawa tunggakan bunga hendaklah disifatkan sebagai sebahagian dari jumlah wang pokok yang dicagarkan dengan gadai janji atau gadaian itu ;

bunga hendaklah tidak disifatkan sebagai kena dibayar sebelum hak untuk mendapatkan kembali jumlah wang pokok itu telah terakru atau disifatkan sebagai telah terakru.

27. (1) Tiada tempoh had masa yang ditetapkan oleh Perintah ini boleh dikenakan kepada suatu tindakan oleh seseorang waris di bawah suatu amanah, iaitu tindakan —

Harta
amanah.

- (a) berkaitan dengan sebarang tipuan atau pecah amanah secara tipuan di mana pemegang amanah adalah menjadi suatu pihak atau mengambil bahagian di dalamnya ; atau
- (b) untuk mendapatkan kembali daripada pemegang amanah harta amanah atau hasil harta amanah yang ada dalam milik pemegang amanah, atau yang diterima sebelumnya oleh pemegang amanah dan yang disalahguna untuk kegunaan sendiri ;

(2) Jika seseorang pemegang amanah yang juga merupakan waris di bawah amanah itu menerima atau menyimpan harta amanah atau hasilnya sebagai bahagiannya apabila harta amanah diagihkan di bawah amanah itu, tanggungannya dalam sebarang tindakan yang di ambil menurut ceraiian (1) (b) untuk mendapatkan kembali harta itu atau hasilnya selepas habis tempoh had masa yang ditetapkan oleh Perintah ini bagi mengambil suatu tindakan untuk mendapatkan kembali harta amanah hendaklah terhad kepada lebih bahagiannya yang sepatutnya.

Ceraian ini hanya dikenakan jika pemegang amanah itu bertindak dengan jujur dan munasabah dalam membuat pengagihan itu.

(3) Tertakluk kepada syarat-syarat bab ini yang terdahulu, suatu tindakan oleh seseorang waris untuk mendapatkan kembali harta amanah atau berkaitan dengan sebarang pecah amanah, bukannya tindakan yang tempoh had masanya ditetapkan oleh sebarang syarat lain Perintah ini, hendaklah tidak diambil selepas habis tempoh enam tahun dari tarikh hak itu terakru.

Bagi maksud-maksud ceraiian ini, hal tindakan itu hendaklah tidak disifatkan sebagai telah terakru kepada mana-mana waris yang berhak terhadap suatu kepentingan masa depan ke atas harta amanah itu sehingga kepentingan itu jatuh ke dalam milik.

(4) Tiada waris yang ada pembelaan terhadapnya di bawah Perintah ini boleh mendapat sebarang faedah yang lebih besar atau faedah lain dari suatu penghakiman atau perintah yang diperolehi oleh mana-mana waris lain dari yang mungkin diperolehinya jika dia telah mengambil tindakan itu dan Perintah ini telah dirayu atas pembelaan.

Harta pesaka diri seseorang yang telah mati.

28. Tertakluk kepada bab 27(1) dan (2) dari Perintah ini —

- (a) tiada tindakan berkaitan dengan sebarang tuntutan terhadap harta pesaka diri seseorang yang telah mati atau terhadap sebarang bahagian atau kepentingan ke atas sebarang harta pesaka itu (sama ada di bawah suatu wasiat atau atas kematian tanpa wasiat) boleh diambil selepas habis tempoh dua belas tahun dari tarikh hak menerima bahagian atau kepentingan itu terakru ; dan
- (b) tiada tindakan untuk mendapatkan kembali tunggakan bunga berkaitan dengan sebarang warisan, atau gantirugi berkaitan dengan tunggakan itu, boleh diambil selepas habis tempoh enam tahun dari tarikh bunga itu kena dibayar.

Tindakan untuk mendapatkan akaun.

29. Suatu tindakan untuk mendapatkan suatu akaun hendaklah tidak diambil selepas habis tempoh sebarang had masa di bawah Perintah ini yang boleh dikenakan kepada tuntutan yang menjadi asas kewajipan terhadap akaun.

30. (1) Suatu tindakan hendaklah tidak diambil ke atas sebarang penghakiman selepas habis tempoh enam tahun dari tarikh penghakiman itu menjadi boleh dikuatkuasakan. Penguat-kuasaan penghakiman.

(2) Tiada tunggakan bunga berkaitan dengan sebarang hutang penghakiman boleh didapatkan kembali selepas habis tempoh enam tahun dari tarikh bunga itu kena dibayar.

31. Bagi maksud syarat-syarat Perintah ini berkenaan dengan tindakan-tindakan untuk mendapatkan kembali tanah pentadbir harta pesaka seseorang yang telah mati hendaklah disifatkan sebagai menuntut seolah-olah tidak ada selangan masa antara kematian orang yang telah mati itu dan pemberian surat kuasa mentadbir. Pentadbiran hendaklah ditarikkan pada tarikh kematian.

BAHAGIAN III

PERLANJUTAN ATAU PENGECUALIAN HAD MASA BIASA

32. (1) Tertakluk kepada syarat-syarat bab ini yang berikut, jika pada tarikh apabila sebarang hak tindakan terakru tempoh had masanya ditetapkan oleh Perintah ini, orang yang kepadanya hak tindakan itu terakru berkeadaan hilang upaya, maka tindakan itu boleh diambil pada bila-bila masa sebelum habis tempoh enam tahun dari tarikh apabila dia tidak lagi berkeadaan hilang upaya atau mati (mengikut mana yang berlaku dahulu) dengan tidak menghiraukan bahawa tempoh had masa itu telah tamat. Kehilangan upaya.

(2) Bab ini hendaklah tidak menyentuh sebarang hal jika hak tindakan itu mula-mula terakru kepada seseorang (yang tidak berkeadaan hilang upaya) yang melaluinya orang yang berkeadaan hilang upaya itu menuntut.

(3) Apabila suatu hak tindakan yang telah terakru kepada seseorang yang berkeadaan hilang upaya terakru, atas kematian orang itu ketika masih berkeadaan hilang upaya, kepada orang lain yang berkeadaan hilang upaya, tiada perlanjutan masa yang seterusnya boleh dibenarkan dengan sebab kehilangan upaya orang yang kedua itu.

(4) Tiada tindakan untuk mendapatkan kembali tanah atau wang yang dicagarkan dengan tanah boleh diambil menurut bab ini oleh mana-mana orang selepas habis tempoh tiga puluh tahun dari tarikh hak tindakan itu terakru kepada orang itu atau seseorang yang melaluinya dia menuntut.

(5) Jika tindakan itu adalah tindakan yang dikenakan dengan bab 6(2) dari Perintah ini, cerai (1) hendaklah berkuatkuasa seolah-olah bagi perkataan-perkataan dari "pada bila-bila masa" hingga "berlaku dahulu" diganti dengan perkataan-perkataan "olehnya pada bila-bila masa sebelum habis tempoh tiga tahun dari tarikh apabila dia tidak lagi berkeadaan hilang upaya".

(6) Jika tindakan itu adalah tindakan yang dikenakan dengan bab 14 dari Perintah ini, ceraiian (1) hendaklah berkuatkuasa seolah-olah bagi perkataan-perkataan "enam tahun" diganti dengan perkataan-perkataan "dua tahun".

(7) Jika tindakan itu adalah tindakan yang dikenakan dengan bab 15 atau 16(2) dari Perintah ini, ceraiian (1) hendaklah berkuatkuasa seolah-olah bagi perkataan-perkataan "enam tahun" diganti dengan perkataan-perkataan "tiga tahun".

Perlanjutan
bagi hal-hal
jika bab
19(4)(b)
dikenakan.

33. (1) Tertakluk kepada ceraiian (2), jika dalam hal sebarang tindakan yang tempoh had masanya ditetapkan oleh bab 19 dari Perintah ini —

- (a) tempoh yang boleh dikenakan menurut ceraiian (4) dari bab itu adalah tempoh yang disebutkan dalam perenggan (b) dari ceraiian itu ;
- (b) mengenai tarikh yang bagi maksud-maksud bab itu merupakan tarikh permulaan bagi mengira tempoh itu orang yang dengan merujuk kepada pengetahuannya tarikh itu kena ditentukan di bawah ceraiian (5) dari bab itu adalah berkeadaan hilang upaya ; dan
- (c) bab 32 dari Perintah ini tidak dikenakan kepada tindakan itu ;

tindakan itu boleh diambil pada bila-bila masa sebelum habis tempoh tiga tahun dari tarikh apabila dia tidak lagi berkeadaan hilang upaya atau mati (mengikut mana yang berlaku dahulu) dengan tidak menghiraukan bahawa tempoh yang disebutkan di atas telah tamat.

(2) Suatu tindakan tidak boleh diambil menurut ceraiian (1) selepas berakhirnya tempoh had masa yang ditetapkan oleh bab 20 dari Perintah ini.

Pengakruan
kepada
pemilik
berturut-turut
dalam hal
kerusakan
terpendam.

34. (1) Tertakluk kepada syarat-syarat bab ini yang berikut, jika —

- (a) suatu alasan tindakan ("alasan tindakan asal") telah terakru kepada mana-mana orang berkaitan dengan sebarang kecuaiian yang menyebabkan kerosakan kepada sebarang harta (seluruhnya atau sebahagiannya) di mana dia mempunyai kepentingan ; dan
- (b) orang lain mendapat suatu kepentingan ke atas harta itu selepas tarikh alasan tindakan asal itu terakru tetapi sebelum fakta-fakta mustahak tentang kerosakan itu diketahui oleh mana-mana orang yang, pada masa apabila dia mula-mula mengetahui akan fakta-fakta itu, mempunyai sebarang kepentingan ke atas harta itu ;

suatu alasan tindakan baru berkaitan dengan kecuaiian itu hendaklah terakru kepada orang lain itu pada tarikh dia mendapat kepentingannya ke atas harta itu.

(2) Suatu alasan tindakan yang terakru kepada mana-mana orang menurut cerai (1) —

- (a) hendaklah disifatkan seolah-olah berasaskan kepada pelanggaran kewajipan berjaga-jaga pada common law yang tertanggung pada orang yang kepadanya alasan tindakan itu terakru ; dan
- (b) hendaklah disifatkan bagi maksud-maksud bab 19 dari Perintah ini sebagai telah terakru pada tarikh alasan tindakan asal itu terakru.

(3) Bab 32 dari Perintah ini hendaklah tidak dikenakan berkenaan dengan sebarang alasan tindakan itu.

(4) Cerai (1) hendaklah tidak dikenakan dalam sebarang hal jika orang yang mendapat kepentingan ke atas harta rosak adalah sama ada —

- (a) orang yang padanya alasan tindakan asal itu terletak dengan kuatkuasa undang-undang ; atau
- (b) orang yang padanya kepentingan ke atas harta itu terletak menurut sebarang perintah yang dibuat oleh sesebuah mahkamah di bawah Akta Syarikat-Syarikat, yang meletakkan harta syarikat pada penyelesaian.

Penggal 39

(5) Bagi maksud-maksud cerai (1)(b), fakta-fakta mustahak tentang kerosakan adalah fakta-fakta tentang kerosakan yang akan membawa seseorang yang waras yang mempunyai kepentingan ke atas harta rosak pada masa apabila fakta-fakta itu diketahui olehnya menganggapnya cukup penting untuk membuktikan langkah perbicaraan permulaannya bagi mendapatkan gantirugi terhadap hak defendan yang tidak mempertikaikan tanggungan dan dapat menyelesaikan suatu penghakiman.

(6) Bagi maksud-maksud bab ini pengetahuan seseorang termasuk pengetahuan yang mungkin dengan munasabah dijangka diperolehinya —

- (a) dari fakta-fakta yang boleh dilihat atau dipastikan olehnya ; atau
- (b) dari fakta-fakta yang boleh dipastikan olehnya dengan bantuan nasihat pakar yang bersesuaian yang munasabah baginya untuk memintanya ;

tetapi seseorang hendaklah tidak dianggap menurut cerai ini mengetahui suatu fakta yang boleh dipastikan olehnya hanya dengan bantuan nasihat pakar selagi dia telah mengambil segala langkah yang munasabah mendapatkan (dan, jika bersesuaian, untuk bertindak atas) nasihat itu.

35. (1) Cerai-cerai (2) dan (3) dikenakan jika sebarang hak tindakan (termasuk tindakan halang-tebus) untuk mendapatkan kembali tanah atau sebarang hak pemegang gadai janji harta diri untuk mengambil suatu tindakan halang-tebus berkaitan dengan harta itu telah terakru.

Pengesahan
atau
pembayaran
sebahagian.

(2) Jika orang yang memiliki tanah atau harta diri berkenaan mengesahkan hakmilik orang yang kepadanya hak tindakan itu telah terakru, hak itu hendaklah disifatkan sebagai telah terakru pada dan bukannya sebelum tarikh pengesahan.

(3) Dalam hal suatu tindakan halang-tebus atau tindakan lain oleh seseorang pemegang gadai janji, jika orang yang memiliki tanah atau harta diri berkenaan atau orang yang bertanggung terhadap hutang gadai janji membuat sebarang pembayaran berkaitan dengan hutang itu (sama ada pembayaran pokok atau bunga) maka hak itu hendaklah disifatkan sebagai telah terakru pada dan bukannya sebelum tarikh pembayaran.

(4) Jika seseorang pemegang gadai janji menurut gadai janji memiliki sebarang tanah yang digadai janji dan sama ada —

- (a) menerima sebarang wang berkaitan dengan wang pokok atau bunga dari hutang gadai janji ; atau
- (b) mengesahkan hakmilik penggadai janji, atau ekuiti penebusannya ;

suatu tindakan untuk menebus tanah yang ada dalam miliknya boleh diambil pada bila-bila masa sebelum habis tempoh dua belas tahun dari tarikh pembayaran atau pengesahan.

(5) Tertakluk kepada cerai (6), jika sebarang hak tindakan telah terakru untuk mendapatkan kembali —

- (a) sebarang hutang atau tuntutan lain wang yang tertentu jumlahnya ; atau
- (b) sebarang tuntutan terhadap harta pesaka diri seseorang yang telah mati atau terhadap sebarang bahagian atau kepentingan ke atas sebarang harta pesaka itu ;

dan orang yang bertanggung atau bertanggungjawab terhadap tuntutan itu mengesahkan tuntutan itu atau membuat sebarang pembayaran berkaitan dengannya maka hak itu hendaklah disifatkan sebagai telah terakru pada dan bukannya sebelum tarikh pengesahan atau pembayaran.

(6) Pembayaran sebahagian sewa atau bunga yang kena dibayar pada bila-bila masa hendaklah tidak melanjutkan tempoh bagi menuntut bakinya yang kena dibayar pada masa itu, tetapi sebarang pembayaran bunga hendaklah disifatkan sebagai pembayaran berkaitan dengan hutang pokok.

(7) Tertakluk kepada cerai (6), tempoh had masa semasa boleh dilanjutkan secara berulang-ulang di bawah bab ini dengan pengesahan atau pembayaran lanjut, tetapi suatu hak tindakan, apabila dihalang oleh Perintah ini, hendaklah tidak dihidupkan semula oleh sebarang pengesahan atau pembayaran yang kemudiannya.

36. (1) Untuk memberi kuatkuasa bagi maksud-maksud bab 35 dari Perintah ini, suatu pengesahan mestilah secara bertulis dan di tandatangani oleh orang yang membuatnya.

Syarat-syarat rasmi tentang pengesahan dan pembayaran sebahagian.

(2) Bagi maksud-maksud bab 35, sebarang pengesahan atau pembayaran —

- (a) boleh dibuat oleh wakil orang yang dikehendaki membuatnya di bawah bab itu ; dan
- (b) hendaklah dibuat kepada orang, atau kepada wakil orang, yang hakmilik atau tuntutananya disahkan atau, mengikut mana yang berkenaan, yang berkaitan dengan tuntutananya pembayaran itu dibuat.

37. (1) Suatu pengesahan hakmilik terhadap sebarang tanah atau harta diri yang digadai janji oleh mana-mana orang yang memilikinya hendaklah mengikat semua orang lain yang memilikinya dalam tempoh had masa yang berikutan dengannya.

Kesan pengesahan atau pembayaran sebahagian.

(2) Pembayaran berkaitan dengan suatu hutang gadai janji oleh penggadai janji atau mana-mana orang lain yang bertanggung terhadap hutang itu, atau oleh mana-mana orang yang memiliki harta yang digadai janji itu, hendaklah, setakat yang berkenaan dengan sebarang hak pemegang gadai janji untuk menghalang-tebus ataupun sebaliknya untuk mendapatkan kembali harta itu, mengikat semua orang lain yang memiliki harta yang digadai janji itu dalam tempoh had masa yang berikutan dengannya.

(3) Jika dua orang pemegang gadai janji atau lebih menurut gadai janji memiliki tanah yang digadai janji itu, suatu pengesahan hakmilik penggadai janji atau ekuiti penebusannya oleh salah seorang daripada pemegang-pemegang gadai janji itu hendaklah hanya mengikatnya dan pengganti-penggantinya dan hendaklah tidak mengikat mana-mana pemegang gadai janji lain atau pengganti-penggantinya.

(4) Jika dalam suatu hal di bawah cerai (3) pemegang gadai janji yang memberi pengesahan itu berhak terhadap sebahagian dari tanah yang digadai janji itu dan bukannya terhadap sebarang bahagian hutang gadai janji yang telah dipastikan maka penggadai janji adalah berhak untuk menebus sebahagian dari tanah itu atas pembayaran, dengan bunga, sebahagian dari hutang gadai janji itu yang mempunyai perkadaran yang sama dengan keseluruhan hutang itu sebagai nilai sebahagian dari tanah itu berbanding dengan nilai keseluruhan tanah yang digadai janji itu.

(5) Jika terdapat dua orang penggadai janji atau lebih, dan hakmilik atau ekuiti penebusan salah seorang daripada penggadai-penggadai janji itu disahkan sebagaimana yang disebutkan di atas dalam bab ini, maka pengesahan itu hendaklah disifatkan sebagai telah dibuat kepada semua penggadai janji.

(6) Suatu pengesahan sebarang hutang atau tuntutan lain wang yang tertentu jumlahnya hendaklah mengikat orang yang membuat pengesahan itu dan pengganti-penggantinya tetapi tidak mengikat mana-mana orang lain.

(7) Pembayaran yang dibuat berkaitan dengan sebarang hutang atau tuntutan lain wang yang tertentu jumlahnya hendaklah mengikat semua orang yang bertanggung berkaitan dengan hutang atau tuntutan itu.

(8) Suatu pengesahan oleh salah seorang daripada beberapa wakil diri akan sebarang tuntutan terhadap harta pesaka diri seseorang yang telah mati atau terhadap sebarang bahagian atau kepentingan ke atas sebarang harta pesaka itu, atau pembayaran oleh salah seorang daripada beberapa wakil diri berkaitan dengan sebarang tuntutan itu, hendaklah mengikat harta pesaka orang yang telah mati itu.

(9) Dalam bab ini "pengganti", berkenaan dengan mana-mana pemegang gadai janji atau orang yang bertanggung berkaitan dengan sebarang hutang atau tuntutan, bermakna wakil-wakil dirinya dan mana-mana orang lain di mana hak-hak di bawah gadai janji itu atau, mengikut mana yang berkenaan, tanggungan berkaitan dengan hutang atau tuntutan itu turun kepadanya (sama ada atas kematian atau kebangkrapan atau pelupusan harta atau penamatan suatu harta pesaka atau kepentingan yang terhad).

Penangguhan
tempoh had
masa.

38. (1) Tertakluk kepada cerai (3), jika dalam hal sebarang tindakan yang tempoh had masanya di tetapkan oleh Perintah ini, sama ada -

- (a) tindakan itu berasaskan kepada tipuan pihak defendan ; atau
- (b) sebarang fakta yang berkaitan dengan hak tindakan pihak plaintif telah disembunyikan dengan sengaja daripadanya oleh pihak defendan ; atau
- (c) tindakan itu adalah untuk mendapatkan pelepasan dari akibat-akibat suatu kesilapan ;

tempoh had masa hendaklah tidak mula berjalan sehingga pihak plaintif telah mengetahui akan tipuan, penyembunyian atau kesilapan itu (mengikut mana yang berkenaan) atau mungkin dapat mengetahui dengan usaha yang munasabah.

Sebutan-sebutan dalam cerai ini kepada pihak defendan termasuk sebutan-sebutan kepada wakil pihak defendan dan kepada mana-mana orang yang melaluinya pihak defendan menuntut dan wakilnya.

(2) Bagi maksud-maksud cerai (1), berlakunya pelanggaran kewajipan secara sengaja dalam keadaan yang tidak memungkinkannya diketahui untuk beberapa ketika terjumlah kepada penyembunyian fakta-fakta secara sengaja yang mengakibatkan pelanggaran kewajipan itu.

(3) Tiada sebarang apapun dalam bab ini boleh memungkinkan sebarang tindakan —

- (a) untuk mendapatkan kembali, atau mendapatkan kembali nilai, sebarang harta ; atau
- (b) untuk menguatkuasakan sebarang gadaian terhadap, atau mengeneppikan sebarang urusan yang menyentuh, sebarang harta ;

diambil terhadap pembeli harta itu atau mana-mana orang yang menuntut melaluinya dalam sebarang hal jika harta itu telah dibeli dengan balasan yang bernilai oleh pihak ketiga yang ikhlas oleh kerana berlakunya tipuan atau penyembunyian atau (mengikut mana yang berkenaan) urusan di mana kesilapan telah dilakukan.

(4) Seseorang pembeli adalah pihak ketiga yang ikhlas bagi maksud-maksud bab ini —

- (a) dalam hal tipuan atau penyembunyian sebarang fakta yang berkaitan dengan hak tindakan pihak plaintif, jika dia bukan suatu pihak kepada tipuan itu atau (mengikut mana yang berkenaan) kepada penyembunyian fakta itu dan pada masa pembelian itu tidak mengetahui atau tidak mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa tipuan atau penyembunyian itu telah berlaku ; dan
- (b) dalam hal kesilapan, jika pada masa pembelian itu dia tidak mengetahui atau tidak mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa kesilapan telah dilakukan.

(5) Bab-bab 19 dan 20 dari Perintah ini hendaklah tidak dikenakan kepada sebarang tindakan yang dikenakan dengan cerai (1)(b) (dan dengan itu tempoh had masa yang disebutkan dalam cerai itu, dalam sebarang hal yang mungkin dikenakan sebaliknya dengan salah satu dari bab-bab itu, adalah tempoh yang boleh dikenakan di bawah bab 6(1) dari Perintah ini).

39. Jika seseorang yang kepadanya suatu alasan tindakan kerana fitnah bertulis atau fitnah lisan telah terakru belum mengambil tindakan seumpama itu dalam tempoh tiga tahun yang disebutkan dalam bab 6(2) dari Perintah ini (atau, jika berkenaan, tempoh yang dibenarkan oleh bab 32(1) sebagaimana yang diubahsuai oleh bab 32(5)) kerana segala atau sebarang fakta yang berkaitan dengan alasan tindakan itu tidak diketahui olehnya sehingga selepas habis tempoh itu, maka tindakan seumpama itu —

Perlanjutan had masa mengikut budibicara bagi tindakan kerana fitnah bertulis atau fitnah lisan.

- (a) boleh diambil olehnya pada bila-bila masa sebelum habis tempoh setahun dari tarikh terawal dia mengetahui segala fakta yang berkaitan dengan tindakan itu ; tetapi
- (b) hendaklah tidak diambil demikian tanpa kebenaran Mahkamah Tinggi.

Pengecualian had masa mengikut budibicara bagi tindakan-tindakan berkaitan dengan kecederaan diri atau kematian.

40. (1) Jika pada pendapat mahkamah bahawa adalah saksama untuk membenarkan suatu tindakan dilakukan dengan mengambil perhatian kepada sejauh mana —

- (a) syarat-syarat bab 15 atau 16 dari Perintah ini menyentuh pihak plaintif atau mana-mana orang yang diwakilinya ; dan
- (b) sebarang keputusan mahkamah di bawah cerai ini akan menyentuh pihak defendan atau mana-mana orang yang diwakilinya ;

mahkamah boleh mengarahkan supaya syarat-syarat itu hendaklah tidak dikenakan kepada tindakan itu, atau hendaklah tidak dikenakan kepada sebarang alasan tindakan yang tertentu yang ada kena mengena dengan tindakan itu.

(2) Mahkamah hendaklah di bawah bab ini mengenakan bab 16(1) kecuali jika sebab mengapa orang yang tercedera itu tidak lagi dapat meneruskan suatu tindakan adalah kerana had masa dalam bab 15.

Jika, misalnya, orang yang tercedera itu atas kematiannya tidak lagi dapat meneruskan suatu tindakan di bawah Bahagian II dari Perintah Darurat (Kemalangan Maut dan Kecederaan Diri), 1991 kerana had masa dalam Perkara 29 dalam Jadual Pertama kepada Carriage by Air Act, 1961 United Kingdom, mahkamah tidak mempunyai kuasa untuk mengarahkan supaya bab 16(1) tidak dikenakan.

(3) Dalam bertindak di bawah bab ini mahkamah hendaklah mengambil perhatian kepada semua keadaan hal dan khususnya kepada —

- (a) kelamaan, dan sebab-sebab perhatian kelewatan di pihak plaintif ;
- (b) setakat mana, dengan mengambil perhatian kepada kelewatan itu, keterangan yang dikemukakan atau mungkin dikemukakan oleh pihak plaintif atau pihak defendan adalah atau mungkin kurang meyakinkan dari jika tindakan itu telah diambil dalam masa yang dibenarkan oleh bab 15 atau (mengikut mana yang berkenaan) oleh bab 16 ;
- (c) kelakuan pihak defendan selepas alasan tindakan itu berbangkit, termasuk setakat mana (jika ada) dia melayan permintaan-permintaan yang dibuat dengan

munasabah oleh pihak plaintif untuk mendapatkan maklumat atau pemeriksaan bagi maksud memastikan fakta-fakta yang berkaitan atau mungkin berkaitan dengan alasan tindakan pihak plaintif terhadap pihak defendan ;

- (d) tempoh sebarang kehilangan upaya pihak plaintif yang berbangkit selepas tarikh pengakruan alasan tindakan itu ;
- (e) setakat mana pihak plaintif bertindak dengan segera dan secara munasabah apabila dia mengetahui sama ada atau tidak perbuatan atau peninggalan pihak defendan, yang menyebabkan kecederaan, mungkin boleh pada masa itu menimbulkan suatu tindakan untuk mendapatkan gantirugi ;
- (f) langkah-langkah, jika ada, yang diambil oleh pihak plaintif untuk mendapatkan nasihat pakar perubatan, undang-undang atau pakar lain dan jenis sebarang nasihat itu yang mungkin telah diterimanya.

(4) Dalam suatu hal jika orang yang tercedera itu mati apabila, kerana bab 15, dia tidak lagi dapat meneruskan suatu tindakan dan mendapatkan kembali gantirugi berkaitan dengan kecederaan itu, mahkamah hendaklah mengambil perhatian khususnya kepada kelamaan, dan sebab-sebab, kelewatan di pihak simati.

(5) Dalam suatu hal di bawah ceraian (4), atau sebarang hal lain jika had masa, atau salah satu had masa, bergantung kepada tarikh pengetahuan seseorang selain daripada pihak plaintif, ceraian (3) hendaklah berkuatkuasa dengan ubahsuaian-ubahsuaian yang bersesuaian, dan hendaklah berkuatkuasa khususnya seolah-olah sebutan-sebutan kepada pihak plaintif termasuk sebutan-sebutan kepada mana-mana orang yang tarikh pengetahuannya adalah berkaitan dalam menentukan suatu had masa.

(6) Suatu arahan oleh mahkamah yang tidak mengenakan syarat-syarat bab 16(1) hendaklah berkuatkuasa supaya tidak mengenakan syarat-syarat dengan kuatkuasa yang sama dalam bab 3(1) dari Perintah Darurat (Kemalangan Maut dan Kecederaan Diri), 1991.

(7) Dalam bab ini "mahkamah" bermakna mahkamah di mana tindakan itu telah diambil.

(8) Sebutan-sebutan dalam bab ini kepada bab 15 termasuk sebutan-sebutan kepada bab itu sebagaimana yang diperluaskan oleh sebarang syarat yang terdahulu Bahagian ini dari Perintah ini atau oleh sebarang syarat Bahagian V dari Perintah ini.

BAHAGIAN IV

TEMPOH HAD MASA ASING

41. (1) Tertakluk kepada syarat-syarat Perintah ini yang berikut, jika dalam sebarang tindakan atau langkah perbicaraan di sesebuah mahkamah di Negara Brunei Darussalam undang-undang mana-mana

Pengenaan undang-undang had masa asing.

negara lain kena diambil kira (menurut aturan-aturan undang-undang antarabangsa persendirian yang boleh dikenakan oleh mana-mana mahkamah itu) dalam memutuskan sebarang perkara —

- (a) undang-undang negara lain itu berkenaan dengan had masa hendaklah dikenakan berkaitan dengan perkara itu bagi maksud-maksud tindakan atau langkah perbicaraan itu ; dan
- (b) kecuali jika perkara itu termasuk di bawah cerai (2), undang-undang Negara Brunei Darussalam berkenaan dengan had masa hendaklah tidak dikenakan demikian.

(2) Suatu perkara termasuk di bawah cerai ini jika ianya merupakan perkara yang pemutusannya kena diambil kira oleh undang-undang Negara Brunei Darussalam dan juga undang-undang sesebuah negara lain.

(3) Undang-undang Negara Brunei Darussalam hendaklah menentukan bagi maksud-maksud sebarang undang-undang yang boleh dikenakan menurut cerai (1)(a) sama ada, dan masa bila, langkah perbicaraan telah bermula berkaitan dengan sebarang perkara ; dan, dengan itu, bab 47 dari Perintah ini hendaklah dikenakan berkenaan dengan had masa yang boleh dikenakan menurut cerai (1)(a) sebagaimana ianya dikenakan berkenaan dengan had masa di bawah Perintah ini.

(4) Sesebuah mahkamah di Negara Brunei Darussalam, pada menjalankan menurut cerai (1)(a) sebarang budibicara yang diberikan oleh undang-undang mana-mana negara lain, hendaklah setakat yang boleh menjalankan budibicara itu mengikut cara ianya dijalankan dalam kes-kes bandingan oleh mahkamah-mahkamah negara lain itu.

(5) Dalam bab ini "undang-undang", berkenaan dengan mana-mana negara, hendaklah tidak termasuk aturan-aturan undang-undang antarabangsa persendirian yang boleh dikenakan oleh mahkamah-mahkamah negara itu atau, dalam hal Negara Brunei Darussalam, Perintah ini.

Pengecualian
kepada bab
41.

42. (1) Dalam sebarang hal di mana penganan bab 41 setakat manapun mungkin bercanggah (sama ada di bawah cerai (2) ataupun sebaliknya) dengan dasar awam, maka bab itu hendaklah tidak dikenakan setakat yang penganannya mungkin bercanggah demikian.

(2) Penganan bab 41 berkenaan dengan sebarang tindakan atau langkah perbicaraan adalah bercanggah dengan dasar awam setakat yang penganannya mungkin menyebabkan kesusahan yang tidak wajar kepada seseorang yang menjadi, atau mungkin dijadikan, suatu pihak kepada tindakan atau langkah perbicaraan itu.

(3) Jika, di bawah suatu undang-undang yang boleh dikenakan menurut bab 41(1)(a) bagi maksud-maksud sebarang tindakan atau langkah perbicaraan, suatu tempoh had masa adalah atau mungkin dilanjutkan atau terganggu berkaitan dengan ketiadaan suatu pihak kepada tindakan atau langkah perbicaraan itu dari sebarang bidang kuasa atau negara tertentu, setakat mana undang-undang itu yang mempersyaratkan perlanjutan atau gangguan hendaklah diketepikan bagi maksud-maksud itu.

43. Jika sesebuah mahkamah di mana-mana negara di luar Negara Brunei Darussalam telah memutuskan sebarang perkara seluruhnya atau sebahagiannya dengan merujuk kepada undang-undang negara itu atau mana-mana negara lain (termasuk Negara Brunei Darussalam) berkenaan dengan had masa, maka, bagi maksud undang-undang berkenaan dengan kuatkuasa yang akan diberikan di Negara Brunei Darussalam kepada keputusan itu, mahkamah itu hendaklah setakat yang ianya telah memutuskan perkara itu, dianggap telah memutuskannya atas meritnya.

Penghakiman asing atas perkara had masa.

44. (1) Tertakluk kepada cerai (3), sebutan-sebutan dalam Bahagian ini dari Perintah ini kepada undang-undang mana-mana negara (termasuk Negara Brunei Darussalam) berkenaan dengan had masa hendaklah, berkenaan dengan sebarang perkara, ditafsirkan sebagai sebutan-sebutan kepada setakat mana undang-undang negara itu yang berkaitan yang (dalam apajua carapun) mengadakan syarat berkenaan dengan suatu tempoh had masa yang boleh dikenakan kepada pengambilan langkah perbicaraan berkaitan dengan perkara itu di mahkamah-mahkamah negara itu dan hendaklah termasuk —

Undang-undang berkenaan dengan had masa.

- (a) sebutan-sebutan kepada setakat mana undang-undang itu berkaitan dengan, dan kepada kuatkuasa, penganan, perlanjutan, pengurangan atau gangguan tempoh itu ; dan
- (b) sebutan, jika di bawah undang-undang itu tiada terdapat tempoh had masa yang boleh dikenakan demikian, kepada aturan bahawa langkah perbicaraan itu boleh diambil dalam tempoh yang tidak tentu.

(2) Dalam cerai (1), "undang-undang yang berkaitan", berkenaan dengan mana-mana negara, bermakna undang-undang mengikut tatacara dan substantif yang boleh dikenakan, selain dari sebarang aturan undang-undang antarabangsa persendirian, oleh mahkamah-mahkamah negara itu.

(3) Sebutan-sebutan dalam Bahagian ini dari Perintah ini kepada undang-undang Negara Brunei Darussalam berkenaan dengan had masa hendaklah tidak termasuk aturan-aturan yang menurutnya sesebuah mahkamah boleh, pada menjalankan sebarang budi bicara, menolak pelapasan ekuiti atas alasan akuiesens sebaliknya ; tetapi,

pada mengenakan aturan-aturan itu kepada suatu hal yang berkenaan dengannya undang-undang mana-mana negara di luar Negara Brunei Darussalam boleh dikenakan menurut bab 41(1)(a) (bukannya suatu undang-undang yang mempersyaratkan tempoh had masa yang telah tamat) sesebuah mahkamah di Negara Brunei Darussalam hendaklah mengambil perhatian, khususnya, kepada syarat-syarat undang-undang yang boleh dikenakan demikian.

Pengenaan
Bahagian
kepada
timbangtara.

45. Sebutan-sebutan kepada sebarang undang-undang bertulis yang lain berkenaan dengan had masa dalam bab 46 dari Perintah ini termasuk sebutan-sebutan kepada bab-bab 41, 42 dan 44 dari Perintah ini ; dan, dengan itu, dalam cerai (5) bab 46 dari Perintah ini, sebutan kepada masa yang ditetapkan oleh Perintah ini atau oleh sebarang undang-undang bertulis yang lain berkenaan dengan had masa mempunyai kuatkuasa bagi maksud-maksud sebarang hal yang dikenakan dengan bab 41 dari Perintah ini sebagai sebutan kepada tempoh had masa (jika ada) yang boleh dikenakan menurut bab 41.

BAHAGIAN V

RAMPAIAN DAN AM

Pengenaan
Perintah
kepada
timbangtara.

46. (1) Perintah ini dan sebarang undang-undang bertulis yang lain berkenaan dengan had masa hendaklah dikenakan kepada timbangtara-timbangtara sebagaimana ianya dikenakan kepada tindakan-tindakan di Mahkamah Tinggi.

(2) Dengan tidak menghiraukan sebarang syarat dalam suatu perjanjian timbangtara yang bermaksud bahawa tiada alasan tindakan boleh terakru berkaitan dengan sebarang perkara yang dikehendaki oleh perjanjian itu supaya dirujuk sehingga suatu award dibuat di bawah perjanjian itu, alasan tindakan itu hendaklah, bagi maksud-maksud Perintah ini dan sebarang undang-undang bertulis yang lain berkenaan dengan had masa (sama ada dalam pengenaannya kepada timbangtara-timbangtara atau langkah perbicaraan lain), dianggap telah terakru berkaitan dengan sebarang perkara itu pada masa apabila ianya sepatutnya terakru jika tidak kerana syarat itu dalam perjanjian itu.

(3) Bagi maksud-maksud Perintah ini dan sebarang undang-undang bertulis yang lain berkenaan dengan had masa suatu timbangtara hendaklah disifatkan sebagai bermula –

- (a) apabila satu pihak kepada timbangtara itu menyampaikan kepada pihak atau pihak-pihak yang satu lagi suatu notis yang menghendaknya supaya melantik seseorang penimbangtara atau bersetuju denganantikan seseorang penimbangtara ; atau
- (a) jika perjanjian itu mempersyaratkan bahawa rujukan hendaklah dibuat kepada seseorang yang dinamakan atau ditetapkan dalam perjanjian itu, apabila satu pihak

kepada timbangtara itu menyampaikan kepada pihak atau pihak-pihak yang satu lagi suatu notis yang menghendaknya supaya mengemukakan pertikaian itu kepada orang yang dinamakan atau ditetapkan demikian.

- (4) Sebarang notis itu boleh disampaikan sama ada —
- (a) dengan menyerahkannya kepada orang yang hendak disampaikan dengan notis itu ; atau
 - (b) dengan meninggalkan di tempat tinggal orang itu yang biasa atau yang terakhir diketahui; atau
 - (c) dengan mengirimbkannya melalui pos dalam suatu surat berdaftar yang dialamatkan kepada orang itu di tempat tinggalnya yang biasa atau yang terakhir diketahui ;

dan juga mengikut sebarang cara lain yang dipersyaratkan dalam perjanjian timbangtara itu.

- (5) Jika Mahkamah Tinggi —
- (a) memerintahkan supaya suatu award diketepikan ; atau
 - (b) memerintahkan, selepas bermulanya suatu timbangtara, supaya perjanjian timbangtara itu hendaklah terhenti dari berkuatkuasa berkenaan dengan pertikaian yang dirujukkan itu ;

mahkamah boleh selanjutnya memerintahkan bahawa tempoh antara bermulanya timbangtara itu dan tarikh perintah mahkamah hendaklah dikecualikan dalam mengira masa yang ditetapkan oleh Perintah ini atau oleh sebarang undang-undang bertulis yang lain berkenaan dengan had masa bagi memulakan langkah perbicaraan (termasuk timbangtara) berkenaan dengan pertikaian yang dirujukkan itu.

(6) Bab ini hendaklah dikenakan kepada suatu timbangtara di bawah suatu Akta dan juga kepada suatu timbangtara menurut suatu perjanjian timbangtara.

Ceraian-ceraian (3) dan (4) hendaklah berkuatkuasa, berkenaan dengan suatu timbangtara di bawah suatu Akta, seolah-olah bagi sebutan-sebutan kepada perjanjian timbangtara itu digantikan dengan sebutan-sebutan kepada syarat-syarat Akta itu atau sebarang perintah, skim, aturan, peraturan atau undang-undang kecil yang dibuat di bawah Akta itu yang berkaitan dengan timbangtara itu.

- (7) Dalam bab ini —
- (a) "timbangtara", "perjanjian timbangtara" dan "award" mempunyai makna yang sama sebagaimana dalam Bahagian I dari Arbitration Act, 1950 United Kingdom ; dan

- (b) sebutan-sebutan kepada sebarang undang-undang bertulis yang lain berkenaan dengan had masa adalah sebutan-sebutan kepada sebarang undang-undang bertulis yang lain berkenaan dengan had masa tindakan, sama ada diluluskan sebelum atau selepas tarikh Perintah ini berkuatkuasa.

Tuntutan-tuntutan baru sementara menunggu keputusan tindakan : aturan-aturan mahkamah.

47. (1) Bagi maksud-maksud Perintah ini, sebarang tuntutan baru yang dibuat semasa sebarang tindakan dilakukan hendaklah dianggap sebagai tindakan yang berasingan dan telah bermula —

- (a) dalam hal suatu tuntutan baru yang dibuat dalam atau dengan cara langkah perbicaraan pihak ketiga, pada tarikh langkah perbicaraan itu bermula ; dan
- (b) dalam hal sebarang tuntutan baru yang lain, pada tarikh yang sama dengan tarikh tindakan asal.

(2) Dalam bab ini suatu tuntutan baru bermakna sebarang tuntutan dengan cara tolakan atau tuntutan balas, dan sebarang tuntutan yang membabitkan sama ada —

- (a) penambahan atau penggantian suatu alasan tindakan baru ; atau
- (b) penambahan atau penggantian suatu pihak baru ;

dan "langkah perbicaraan pihak ketiga" bermakna sebarang langkah perbicaraan yang diambil semasa sebarang tindakan dilakukan oleh mana-mana pihak kepada tindakan itu terhadap seseorang yang sebelumnya bukan suatu pihak kepada tindakan itu, selain dari langkah perbicaraan yang diambil dengan menyertai mana-mana orang itu sebagai pihak defendan kepada sebarang tuntutan yang sudah dibuat dalam tindakan asal oleh pihak yang mengambil langkah perbicaraan itu.

(3) Kecuali sebagaimana yang dipersyaratkan oleh bab 40 dari Perintah ini atau oleh aturan-aturan mahkamah, Mahkamah Tinggi dan juga mana-mana mahkamah perantaraan atau mahkamah rendah hendaklah tidak membenarkan supaya suatu tuntutan baru dalam cerai (1)(b), selain dari suatu tolakan atau tuntutan balas asal, dibuat semasa sebarang tindakan dilakukan selepas habis tempoh sebarang had masa di bawah Perintah ini yang akan menyentuh suatu tindakan baru untuk menguatkuasakan tuntutan itu.

Bagi maksud-maksud cerai ini, suatu tuntutan adalah tolakan asal atau tuntutan balas asal jika ianya berupa suatu tuntutan yang dibuat dengan cara tolakan atau (mengikut mana yang berkenaan) dengan cara tuntutan balas oleh suatu pihak yang sebelumnya tidak membuat sebarang tuntutan dalam tindakan itu.

(4) Aturan-aturan mahkamah boleh mengadakan syarat bagi membenarkan supaya suatu tuntutan baru yang dikenakan dengan cerai (3) dibuat sebagaimana yang disebutkan dalam cerai itu,

tetapi hanya jika syarat-syarat yang dinyatakan dalam cerai (5) dipenuhi, dan tertakluk kepada sebarang sekatan lanjut yang mungkin dikenakan oleh aturan-aturan itu.

(5) Syarat-syarat yang disebutkan dalam cerai (4) adalah seperti berikut —

- (a) dalam hal suatu tuntutan yang membabitkan suatu alasan tindakan baru, jika alasan tindakan baru itu berbangkit dari fakta-fakta yang sama atau sebenarnya fakta-fakta yang sama yang sudah menjadi isu dalam sebarang tuntutan yang dibuat sebelumnya dalam tindakan asal ; dan
- (b) dalam hal suatu tuntutan yang membabitkan suatu pihak baru, jika penambahan atau penggantian pihak baru itu perlu bagi pemutusan tindakan asal.

(6) Penambahan atau penggantian suatu pihak baru hendaklah tidak dianggap bagi maksud-maksud cerai (5)(b) sebagai perlu bagi pemutusan tindakan asal melainkan jika sama ada —

- (a) pihak baru itu diganti dengan suatu pihak yang namanya telah tersilap berikan dalam sebarang tuntutan yang dibuat dalam tindakan asal sebagai nama pihak baru itu ; atau
- (b) sebarang tuntutan yang sudah dibuat dalam tindakan asal tidak boleh diteruskan oleh atau terhadap suatu pihak yang sedia ada melainkan jika pihak baru itu disertai atau diganti sebagai pihak plaintif atau pihak defendan dalam tindakan itu.

(7) Tertakluk kepada cerai (4), aturan-aturan mahkamah boleh mengadakan syarat bagi membenarkan suatu pihak kepada sebarang tindakan untuk menuntut pelepasan atas sifat baru berkaitan dengan suatu alasan tindakan baru dengan tidak menghiraukan bahawa dia tidak mempunyai hak untuk membuat tuntutan itu pada tarikh permulaan tindakan itu.

Cerai ini hendaklah tidak dianggap sebagai menyentuh kuasa aturan-aturan mahkamah untuk mengadakan syarat bagi membenarkan suatu pihak untuk menuntut pelepasan atas sifat baru tanpa menambah atau mengganti suatu alasan tindakan baru.

(8) Cerai-cerai (3) hingga (7) hendaklah dikenakan berkenaan dengan suatu tuntutan baru yang dibuat semasa langkah perbicaraan pihak ketiga dilakukan seolah-olah langkah perbicaraan itu adalah tindakan asal, dan tertakluk kepada ubahsuaian-ubahsuaian lain sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh aturan-aturan mahkamah dalam sebarang hal atau golongan hal.

48. (1) Had-had masa yang berikut di bawah Perintah ini, iaitu —

- (a) had masa di bawah bab 6(1) bagi tindakan-tindakan yang berasaskan kepada tort ;

Bidangkuasa
ekuiti dan
remedi.

- (b) had masa di bawah bab 6(2) bagi tindakan-tindakan kerana fitnah bertulis atau fitnah lisan ;
- (c) had masa di bawah bab 9 bagi tindakan-tindakan yang berasaskan kepada kontrak ringan ;
- (d) had masa di bawah bab 11 bagi tindakan-tindakan untuk menguatkuasakan award jika penghujahan bukan dengan suratcara bermeterai ;
- (e) had masa di bawah bab 12 bagi tindakan-tindakan ke atas suatu specialty ;
- (f) had masa di bawah bab 13 bagi tindakan-tindakan untuk mendapatkan kembali sejumlah wang yang boleh didapatkan kembali menurut sebarang undang-undang bertulis ; dan
- (g) had masa di bawah bab 30 bagi tindakan-tindakan untuk menguatkuasakan suatu penghakiman ;

hendaklah tidak dikenakan kepada sebarang tuntutan untuk mendapatkan pelaksanaan tertentu suatu kontrak atau suatu injunksi atau pelepasan ekuiti lain.

(2) Tiada sebarang apapun dalam Perintah ini boleh menyentuh sebarang bidang kuasa ekuiti untuk menolak pelepasan atas alasan akuiesens ataupun sebaliknya.

Pengecualian bagi undang-undang had masa yang lain.

49. Perintah ini hendaklah tidak dikenakan kepada sebarang tindakan atau timbangtara yang tempoh had masanya ditetapkan oleh atau di bawah sebarang undang-undang bertulis yang lain (sama ada diluluskan sebelum atau selepas tarikh Perintah ini berkuatkuasa) atau kepada sebarang tindakan atau timbangtara di mana Kerajaan adalah suatu pihak kepada tindakan atau timbangtara itu dan, jika ianya di antara rakyat, tempoh had masanya akan ditetapkan oleh atau di bawah sebarang undang-undang bertulis yang lain itu.

Had masa hendaklah dirayu.

50. Tiada sebarang apapun dalam Perintah ini boleh berkuatkuasa sebagai suatu halangan kepada suatu tindakan melainkan jika Perintah ini telah dirayu dengan nyata sebagai suatu pembelaan terhadapnya.

Tolakan dan tuntutan balas.

51. Bagi maksud-maksud Perintah ini, sebarang tuntutan dengan cara tolakan atau tuntutan balas hendaklah dianggap sebagai tindakan yang berasingan dan telah bermula pada tarikh yang sama dengan tarikh tindakan itu di mana tolakan atau tuntutan balas itu dirayu.

Pemansuhan (Panggal 14).

52. Akta Had Masa adalah dimansuhkan.

19hb. SEPTEMBER, 1991

Diperbuat pada hari ini 22 haribulan Ogos, 1991 di Istana Nurul
Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM